

# 2 **FORMAT RANCANGAN PERNIAGAAN**

---

## **Objektif Pembelajaran**

Di akhir bab ini, pembaca akan dapat:

---

- ✓ **Membezakan rancangan perniagaan mengikut keperluan**
  - ✓ **Melukis piramid rancangan perniagaan**
  - ✓ **Menyenaraikan komponen-komponen rancangan perniagaan**
- 

### **2.1 PERBEZAAN FORMAT RANCANGAN PERNIAGAAN**

Tiada format rasmi yang dikhususkan untuk rancangan perniagaan. Setiap rancangan perniagaan adalah berbeza mengikut keperluan. Rancangan perniagaan bagi perniagaan baru akan menumpukan kepada semua aspek penerangan untuk memperkenalkan perniagaan seperti asal-usul, pemilik, operasi perniagaan dan bagaimana memperolehi keuntungan. Manakala bagi syarikat yang menghasilkan projek-projek pembangunan, ia lebih menumpukan kepada penerangan setiap projek pembangunan bagi setiap rancangan perniagaannya.

Rancangan perniagaan bagi syarikat yang berorientasikan perkhidmatan pula akan lebih menekankan kepada tujuan menarik pelanggan dan memuaskan kehendak mereka. Begitu juga rancangan perniagaan bagi produk baru akan lebih menceritakan mengenai

prototaip, fungsi, kelebihan dan aktiviti produk tersebut. Olahan dan penyampaian maklumat-maklumat penting di dalam rancangan perniagaan bergantung sepenuhnya kepada daya kreativiti penulis rancangan perniagaan.

## 2.2 PIRAMID RANCANGAN PERNIAGAAN

Secara umumnya, format rancangan perniagaan boleh dikelaskan kepada tiga bahagian utama sepertimana yang ditunjukkan di piramid rancangan perniagaan (*Gartner dan Bellamy, 2008*).

Penulis mendapati terdapat tiga keunikan piramid rancangan perniagaan, iaitu ia merangkumi (i) kedudukan susun atur rancangan perniagaan, (ii) pembinaan rancangan perniagaan dan (iii) jumlah maklumat yang diperlukan.

### 2.2.1 Kedudukan Susun Atur Rancangan Perniagaan

Kedudukan susun atur kandungan di piramid rancangan perniagaan dibaca dari atas ke bawah iaitu ia bermula dengan ringkasan eksekutif, maklumat rancangan dan akhir sekali bahan sokongan. Ringkasan eksekutif berada di bahagian paling atas piramid rancangan perniagaan. Ia menunjukkan ringkasan eksekutif perlu diletakkan di bahagian paling hadapan sesebuah rancangan perniagaan.



Rajah 2.1: Piramid Rancangan Perniagaan